



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 6051 (KP), 03 – 8888 0579
E-mail : pro@dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

Oleh;

Y.H. DATO' DR. ABD. AZIZ JAMALUDDIN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

7 Oktober 2010 (Khamis)

PENGLIBATAN JPV DALAM PROGRAM SUSU 1MALAYSIA

1. Terdapat sebanyak 714 penternak lembu tenusu di seluruh negara yang terdiri daripada 10% penternak komersial dan 90% penternak kecil. Jumlah pengeluaran dalam negara pada tahun 2009 adalah sebanyak 62 juta liter. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berperanan dalam kepastian kualiti dan keselamatan susu segar dari ladang ke kilang selain memberikan perkhidmatan teknikal kepada para penternak melalui Pusat Perkhidmatan Industri Tenusu (PPIT) di seluruh negara dan juga menyediakan khidmat penghantaran susu ke kilang.

2. Dengan mengambil kira senario keperluan susu di bawah Program Susu Sekolah (PSS) sebanyak 25.08 juta liter pada tahun 2007 (sumber Kementerian Pelajaran 2007), JPV menyambut baik cadangan menjayakan Program Susu 1Malaysia kerana pengeluaran susu dalam negara semakin meningkat setiap tahun dan ini membuka pasaran baru untuk susu segar tempatan. Namun pelaksanaannya perlulah diperkemas dan diselaraskan dengan lebih terperinci supaya isu keracunan makanan berpunca dari kerosakan susu semasa pelaksanaan Program Susu Sekolah tidak lagi berlaku.

3. Justeru, JPV menyarankan agar penglibatan pengilang-pengilang susu utama dalam negara diberi keutamaan bagi menjayakan Program Susu 1Malaysia ini memandangkan mereka memiliki kemahiran dalam urusan pemprosesan, pembekalan dan pengendalian susu yang boleh menjamin kualiti dan keselamatan susu tersebut. Susu segar diperolehi daripada penternak tenusu tempatan yang mengamalkan Amalan Penternakan yang Baik seperti yang disyorkan oleh JPV dengan kualiti susu pada tahap Gred AA dan A serta selamat daripada ‘antibiotic residue’ dan bahan-bahan kimia berbahaya.
4. Melalui Program Susu 1Malaysia, kilang-kilang pemprosesan susu segar yang berwibawa dan berpengalaman serta mempunyai pengiktirafan Veterinary Health Mark (VHM) JPV dan Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP) Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja dibenarkan memproses dan membungkus susu-susu untuk program ini. Hanya pengedar-pengedar susu yang berdaftar dengan pengilang-pengilang susu segar yang diiktiraf oleh pihak JPV sahaja dibenarkan membuat penghantaran ke sekolah-sekolah.
5. Keperluan susu segar untuk sekolah-sekolah di Malaysia adalah sebanyak 55 juta liter setahun. Susu segar tempatan hanya dapat menampung sebanyak 21 juta liter setahun sahaja. Selebihnya iaitu sejumlah 34 juta liter susu segar setahun perlu diimport dari negara-negara pengeluar susu yang dibenarkan oleh pihak kerajaan Malaysia. Penggunaan susu tempatan untuk program ini akan ditingkatkan dari tahun ke tahun mengikut peningkatan pengeluaran susu tempatan sementara susu segar import akan dikurangkan selaras dengan peningkatan pengeluaran susu segar tempatan.
6. Program Susu Sekolah telah menjadi amalan di negara-negara maju dan semua negara yang ingin maju diserata dunia. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang tepat bagi memastikan program pembangunan modal insan ini mencapai matlamat yang disasarkan. Perancangan dan pelaksanaan yang betul adalah amat penting bagi memastikan kumpulan sasaran mendapat manfaat yang terbaik dari program ini. Kesinambungan dan kejayaan program ini akan

diterjemahkan kepada kecukupan bekalan susu Negara selaras dengan Dasar Jaminan Makanan Negara (Food Security).

7. Kesedaran awam juga perlu dipupuk bagi meningkat kefahaman yang jelas tentang kebaikan minum susu dan khasiat kandungan susu. Justeru, Program Susu 1Malaysia merupakan salah satu program yang dapat mendidik orang awam amnya dan pelajar-pelajar sekolah khususnya tentang budaya meminum susu dalam menghasilkan rakyat yang lebih sihat, aktif dan cerdas. Ini juga dilihat akan terus menggalakkan lagi pengeluaran susu oleh pengusaha-pengusaha tempatan di samping membantu dalam meningkatkan ekonomi penternak susu dan pengilang susu segar tempatan.